

22 MAY 1999

Cuepacs-Gaji

CUEPACS JANGKA ISU GAJI SELESAI DALAM 10 HARI

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Presiden Cuepacs N. Siva Subramaniam berkata beliau menjangka tuntutan pelarasan gaji bagi lima badan berkanun akan dapat diselesaikan dalam 10 hari lagi.

Semasa bercakap kepada pemberita selepas menghadiri perhimpunan perpaduan Hari Pekerja 1999 di Stadium Putra di Bukit Jalil, di sini, beliau berkata kerajaan "sedang menangani perkara itu dengan aktif."

"Kita yakin perkara itu dapat diselesaikan dengan baik tidak lama lagi. Kita menjangka satu penyelesaian dalam 10 hari," kata beliau selepas menghadiri jamuan tengah hari bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berucap di perhimpunan itu.

Siva berkata, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah mengemukakan satu kertas cadangan (kepada Kabinet) dan sekarang menunggu maklumbalas daripada perbendaharaan.

Ditanya sama ada beliau telah membincangkan perkara itu dengan Dr Mahathir hari ini, Siva berkata: "Kita yakin PM dapat menyelesaikan masalah itu."

Lima badan berkanun itu ialah Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Tabung Haji dan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT).

Lebih 10,000 kakitangan daripada pertubuhan-pertubuhan itu telah meminta pelarasan gaji atas alasan gaji mereka lebih rendah berbanding rakan-rakan mereka dalam perkhidmatan awam.

Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) Senator Zainal Rampak hari ini memberitahu BERNAMA yang perkara itu masih dalam kajian JPA.

"Saya menanya Ketua Pengarah JPA (Datuk Samsudin Osman) hari ini dan beliau memberitahu saya yang Kabinet belum lagi memutuskan mengenai perkara itu," kata Zainal apabila dihubungi di sini.

Zainal berharap JPA akan mempercepatkan perkara itu yang telah berlarutan sejak lima tahun lepas.

"Peruntukan bagi pelarasan itu bukan daripada kerajaan tetapi daripada lima pertubuhan itu sendiri," katanya.

Oleh itu, saya tidak lihat mengapa kerajaan belum dapat meluluskan pelarasan itu.

Sementara itu Zainal menyeru syarikat-syarikat yang meraih keuntungan besar ekoran pemulihan ekonomi supaya meneruskan rundingan bersama pekerja-pekerja mereka untuk Perjanjian Kolektif (CA) masing-masing.

"Adalah lebih baik bagi syarikat-syarikat ini memberi ganjaran kepada pekerja mereka dengan memperbaharui CA," katanya lagi.

-- BERNAMA

ES PR